



MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL. 07 2019/2020

TARIKH : **6 APRIL 2020 (ISNIN)**
MASA : **2.30 PETANG**
TEMPAT : **SECARA ONLINE**

BIL KEHADIRAN	FAKULTI/JABATAN	S/K
1. Prof. Madya Dr. Noor Hazarina binti Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah (Pengerusi)	7/7
2. Prof. Dr. Nazri bin Ali	Sekolah Pengajian Siswazah	5/7
3. Dr. Norah binti Md Noor	Sekolah Pengajian Siswazah	7/7
4. Prof. Madya Dr. Siti Sophiayati binti Yuhaniz	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	7/7
5. En. Asram bin Sulaiman @Saim	Fakulti Kejuruteraan	7/7
6. En. Nasir bin Othman	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)	7/7
7. En. Zurik Azaham bin Aris	Malaysian-Japan International Institute of Technology (MJIIT)	7/7
8. Pn. Khairani binti Ibrahim	Pejabat Pendaftar Akademik UTM (UTM ARO)	6/7
9. Cik Radiatul Hadaviyah binti Ramlan	Azman Hashim Business School (AHIBSKL)	7/7
10. En. Abdul Jalil bin Maulani	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	6/7
11. En. Syazli bin Md Tahir	UTM International (UTMI)	7/7
12. Cik Hazlina binti Stam	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK)	7/7
13. Pn. Nor Qamariah binti Othman	Azman Hashim Business School (AHIBSJB)	7/7
14. Puan Norharyani binti Hamid	Azman Hashim Business School (AHIBSKL)	7/7
15. Pn. Nurul Ain binti Mohd. Yunos	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)	5/7
16. En. Mohd Fazilah Abdullah	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)	1/1
17. Pn. Najwa binti Mohamed	Bahagian Kemasukan dan Pengambilan (SRAD)	5/7
18. En. Mohd Zaires bin Md Daris	Sekolah Pengajian Siswazah	7/7
19. Pn. Farahana binti Ahmad	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	6/7
20. Pn. Nurun Nazrah binti Ahmad	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	6/7

BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Siti Zaleha binti Abdul Rasid	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	2/6
2.	Prof. Madya Dr. Kassim bin Jalil	Bahagian Kemasukan & Pengambilan (SRAD)	0/7
3.	En. Khairull Azmi bin Ishak	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSH)	0/3
4.	Pn. Hj. Nor Azlinda binti Abu Bakar	Fakulti Sains	4/7
5.	Pn. Syahida Fadilla binti Mokhtar	Fakulti Sains (FS)	5/7
6.	Pn. Nurazlyna binti Mohamad Marjid	Fakulti Kejuruteraan	3/7

BIL	TURUT HADIR	FAKULTI/JABATAN
1.	Prof. Madya Dr. Sharidan bin Shafie	Fakulti Sains (FS)
2.	Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar	Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (SKT)
3.	Prof Madya Dr. Mohamed Afendi Mohamed Piah	Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE)
4.	Prof. Madya Dr. Suhaimi bin Abu Bakar/Md. Ramli	Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA)
5.	Prof. Madya Sr.Dr. Razali bin Abdul Hamid	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)
6.	Dr. Aizreena bt Azaman	Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan (SKBME)
7.	Prof. Madya Dr. Ahmad Baharuddin bin Abd. Rahman	Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA)
8.	Dr. Dewi Fariha binti Abdullah	Azman Hashim Business School (AHBSJB)
9.	Prof. Madya Dr. Nor Azwadi bin Che Sidik	Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT)
10.	Dr. Mohamed Sukri bin Mat Ali	Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT)
11.	Cik Norazlina binti Azizi	Urus setia
12.	Pn. Masliyana binti Khalid	Urus setia
13.	Cik Nor Anies binti Tilun	Urus setia
14.	Pn. Julianah binti Samion	Urus setia
15.	Pn. Hamimah Nozari	Urus setia

1.0 ALUAN Pengerusi

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan Al- Fatimah dan mengucapkan terima kasih kepada ahli yang telah hadir untuk mesyuarat pada kali ini. Seterusnya beliau menyampaikan pesanan berkenaan perkara-perkara berikut:

1.1 Penangguhan Khas Pengajian Kerana Pandemik Covid-19

Pengerusi memaklumkan bahawa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Mesyuarat Senat Bil. 7 2019 /2020 pada 25 Mac 2020 telah meluluskan penambahan satu (1) semester tangguh pengajian yang tidak dikira bagi pelajar Sarjana Penyelidikan dan Doktor Falsafah (Penyelidikan dan Mod Campuran) yang berada pada semester maksimum pengajian serta status 'Peperiksaan' pada Semester II, Sesi 2019/2020 akibat dari pandemik COVID-19.

Pelajar Doktor Falsafah yang berada pada semester 16/16, pelajar Sarjana Penyelidikan yang berada pada semester 8/8 dan pelajar yang berstatus 'Peperiksaan' pada Semester II, Sesi 2019/2020 akan diberikan penangguhan secara automatik berikutan kesulitan yang dihadapi akibat dari pandemik COVID-19. Dengan penambahan satu (1) semester khas ini, pelajar perlu menghantar tesis dan pembetulan tesis dalam tempoh Semester I, Sesi 2020/2021.

Walau bagaimanapun, pihak Sekolah Pengajian Siswazah tiada halangan sekiranya pelajar ingin menghantar tesis pada semester semasa setelah memenuhi semua syarat penghantaran tesis yang telah ditetapkan.

Pertambahan semester ini adalah tanda keprihatinan pihak Universiti terhadap pelajar yang menghadapi kesulitan dalam menjalankan aktiviti penyelidikan disebabkan pandemik ini.

Tindakan : SPS, AMD & Fakulti

1.2 Statistik Graduan dan GOT Ph.D

Jumlah graduan PhD untuk bulan Mac 2020 adalah seramai 52 orang pelajar dan sehingga kini jumlah keseluruhan graduan adalah seramai 164 graduan dan graduan GOT untuk PhD adalah seramai 33 pelajar (20.1%).

Makluman : Semua

1.3 Statistik Graduan dan GOT Sarjana

Jumlah graduan Sarjana Penyelidikan untuk bulan Mac 2020 adalah seramai 22 orang dan sehingga kini jumlah keseluruhan graduan adalah seramai 74 orang dan graduan GOT adalah seramai 4 orang.

Makluman : Semua

1.4 Perancangan Senario Berkaitan Penularan Wabak Covid-19

Pengerusi memaklumkan terdapat beberapa perkara penting kesan dari penularan wabak Covid-19 iaitu:

1.4.1 Perubahan tarikh kalender akademik.

- 1.4.2 Pengurusan Aktiviti Pembelajaran dan Penilaian Pelajar secara fleksibel semasa krisis pandemik bagi pelajar prasiswazah dan pasca siswazah.
- 1.4.3 Tambahan Satu Semester Automatik Bagi Pelajar Semester Akhir Pascasiswazah.
- 1.4.4 Tangguh Pengajian Sebab Bencana Alam.
- 1.4.5 Pengurusan viva-voce dan pembentangan proposal/pembentangan projek (RM dan Kursus Umum).

Tindakan : Makluman

1.5 Proses Pembelajaran & Pengajaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Pengerusi memaklumkan bahawa sepanjang PKP berlangsung, pelajar adalah tidak dibenarkan memasuki lab untuk menjalankan penyelidikan ekoran arahan Kerajaan berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan dan tiada staf yang dibenarkan bertugas sepanjang tempoh PKP ini berjalan.

Tindakan : Semua Fakulti

1.6 Statistik Keseluruhan Pelajar Pascasiswazah Semester II 20192020

Pengerusi memaklumkan bahawa seramai 4444 pelajar PhD dan 3985 pelajar Sarjana yang aktif berdaftar dan dibawah tanggungjawab Universiti buat masa ini.

Makluman : Semua

1.7 Pindaan Kalender Akademik Semester II 20192020

1.7.1 Semester II 20192020

Pengerusi memaklumkan bahawa Semester II 20192020 adalah dipanjangkan kepada 1 April – 2 Julai 2020 (UTMJB) dan 1 April -3 Julai (UTMKL).

Makluman : Semua

1.7.2 Peperiksaan Akhir Semester II 20192020

Pengerusi memaklumkan tarikh peperiksaan akhir adalah ditetapkan pada 5 – 23 Julai 2020 (UTMJB) dan 6 – 24 Julai 2020 (UTMKL). Pengerusi juga memaklumkan bukan semua kursus memerlukan peperiksaan akhir.

Makluman : Semua

1.7.3 Semester III 20192020 (Semester Pendek)

Pengerusi memaklumkan terdapat perubahan terhadap tarikh Semester Pendek iaitu 26 Julai – 1 Oktober 2020 (UTMJB) dan 27 Julai -2 Oktober (UTMKL).

Makluman : Semua

1.8 Perubahan Tarikh Penting Pengurusan Pasca Siswazah

Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat beberapa perubahan tarikh penting terhadap pengurusan Pasca Siswazah seperti berikut:

- a) Tarikh akhir pengecualian yuran mod penyelidikan, mod kerja kursus dan mod campuran : 30 April 2020
- b) Tarikh Akhir pengecualian yuran staf dan pengurangan yuran pasangan dan tanggungan : 30 April 2020
- c) Tempoh Pengisian Laporan Kemajuan (Progress Report)
26 April - 21 Mei 2020 (UTMJB)
27 April - 22 Mei 2020 (UTMKL)
- d) Tarikh Akhir Tarik Diri Kursus
15 Mac - 30 April 2020 (UTMJB)
16 Mac - 30 April 2020 (UTMKL)
- e) Tarikh Akhir Tangguh Pengajian - 14 Mei 2020 (UTMJB)/15 Mei 2020 (UTMKL)
- f) Tarikh Akhir Penghantaran Tesis - 1 Oktober 2020

Makluman : Semua

1.9 Aktiviti Pembelajaran dan Penilaian secara fleksibel semasa pandemik Covid-19

- 1.9.1 Pengerusi memaklumkan segala aktiviti pembelajaran dan pengajaran akan dilaksanakan secara jarak jauh dan dalam talian (online learning) bermula 1 April sehingga 24 Julai 2020 iaitu sehingga berakhirnya Semester II 2019/2020.
- 1.9.2 Aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang tidak dapat disempurnakan sepanjang Semester II, terutama yang memerlukan kehadiran fizikal akan dilaksanakan pada penghujung Semester II dan/atau pada Semester III mengikut keperluan dengan syarat fakulti mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Akademik Fakulti berdasarkan garis panduan yang telah diluluskan oleh Senat UTM.
- 1.9.3 Pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka ini juga adalah tertakluk kepada keputusan pihak Kerajaan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Makluman : Semua

1.10 Empat Senario Menguruskan Pelajar Pascasiwazah semasa Pandemik Covid-19

Pengerusi memaklumkan terdapat 4 senario di dalam menguruskan pelajar pasca siswazah iaitu:

- i. Program yang berjaya melengkapkan sesi pengajian mengikut jadual asal (termasuk peperiksaan akhir menggunakan kaedah alternatif) dan tidak memerlukan penggunaan tempoh masa Semester Pendek Sesi 2019/2020.

- ii. Program yang berjaya melengkapkan sebahagian sesi pengajian mengikut jadual (termasuk peperiksaan akhir menggunakan kaedah alternatif) tetapi memerlukan penggunaan tempoh masa semester pendek Sesi 2019/2020 untuk kursus tertentu yang memerlukan kehadiran secara fizikal seperti makmal, studio, kerja lapangan, latihan industri atau projek penyelidikan bagi tujuan pementapan penguasaan kemahiran teknikal.
- iii. Program yang tidak berjaya melengkapkan sesi pengajian dalam tempoh asal yang diberikan samada melibatkan satu atau lebih kursus, dan perlu melangkaui sehingga masa semester pendek Sesi 2019/2020 untuk melengkapkan semester pengajian.
- iv. Program yang tidak berjaya melengkapkan sesi pengajian dalam tempoh asal yang diberikan serta telah melangkaui sehingga masa semester pendek Sesi 2019/2020 tetapi masih belum berjaya melengkapkan satu atau lebih kursus.

Makluman : Semua

1.11 Lapan (8) cadangan penyelesaian terhadap senario di atas.

Pengerusi juga turut membentangkan lapan (8) cadangan penyelesaian terhadap senario di atas iaitu:

- i. **Pelaksanaan kursus secara dalam talian dan jarak jauh.**
Cadangan ini perlu mengikut kesesuaian dan berdasarkan garis panduan pembelajaran dalam talian semasa Covid-19 yang telah diluluskan dan berdasarkan kalender akademik baharu. Peperiksaan akhir juga boleh dilaksanakan secara pentaksiran alternatif dalam tempoh minggu peperiksaan akhir Semester II Sesi 2019/2020 dengan kelulusan JKAF.
- ii. **Pelaksanaan kursus yang memerlukan kehadiran fizikal dalam tempoh sepanjang semester II 2019/2020 dan/atau Semester Pendek Sesi 2019/2020.**
Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat kursus yang memerlukan kehadiran secara fizikal untuk pengajaran, penilaian dan pentaksiran seperti bengkel, makmal, studio, pembelajaran servis dan lain-lain. Kursus ini boleh diselesaikan bermula 31 Mei 2020 sehingga akhir tempoh pengkuliah Semester II Sesi 2019/2020 tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pematuan terhadap prosedur keselamatan. Pengerusi juga memaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir boleh dijalankan dalam tempoh Peperiksaan Akhir Semester II Sesi 2019/2020 dilaksanakan dengan kelulusan JKAF.

Namun sekiranya ia tidak dapat diselesaikan pada Semester II 2019/2020, ia boleh diselesaikan di dalam tempoh cuti Sem II 2019/2020. Sekiranya tidak dapat diselesaikan juga, kedudukan Tidak Selesai (TS) diberikan sehingga ia dapat diselesaikan pada sesi berikutnya dengan kelulusan JKAF.
- iii. **Pelaksanaan Kursus Hadir Wajib (HW) bagi Semester II Sesi 2019/2020.**
Pengerusi memaklumkan bahawa Kursus Hadir Wajib (HW) boleh ditawarkan dan diberi gred Hadir Lulus (HL) dan Hadir Gagal (HG). Kursus yang boleh diberikan status HW adalah kursus berbentuk Latihan Industri yang telah diberi gred sahaja dan diluluskan oleh JKAF.

iv. Pelaksanaan Projek Sarjana Muda (PSM) dan Projek Penyelidikan Pengajian Siswazah.

Pengerusi memaklumkan bahawa Projek Sarjana Muda (PSM) dan Projek Penyelidikan Pengajian Siswazah boleh dibuat secara dalam talian dan dicadangkan penggunaan kaedah *asynchoronous*.

v. Pengecualian Profesional Skill Certificate (PSC) khusus bagi kohort bergraduan Semester II 20192020 sahaja.

Pengerusi memaklumkan bahawa PSC adalah tidak dikecualikan pada pelajar kohort yang akan bergraduan pada Semester II Sesi 20192020. Pelajar hanya dikehendaki menyediakan video resume dan resume sahaja bagi membolehkan PSC dikecualikan.

vi. Pelaksanaan bagi pelajar mobiliti Semester II 20192020.

Pengerusi memaklumkan bahawa pelajar mobiliti UTM kebanyakannya telah kembali ke negara masing-masing sebelum perintah PKP dilaksanakan.

vii. Pelaksanaan tangguh pengajian bagi pelajar yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan/atau pandemik Covid-19.

Bagi pelajar yang menghadapi kesulitan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan/atau pandemik Covid-19, dan tidak dapat meneruskan pengajian, pelajar boleh memohon penangguhan Semester II Sesi 20192020 dan semester ini tidak dikira sebagai semester pengajian serta diberi pengurangan yuran pelajaran sejumlah 50%. Tarikh akhir bagi permohonan penangguhan adalah pada 15 Mei 2020.

Pengerusi memaklumkan bahawa pelajar penyelidikan yang bukan pada semester akhir dan terpaksa menangguhkan kerja-kerja makmal ketika wabak ini, pelajar boleh memohon penangguhan pengajian dengan menggunakan Perkara 21(b) iaitu tangguh pengajian kerana bencana alam.

Pengerusi memaklumkan bahawa urusan penangguhan ini perlu dipermudahkan dan telah mencadangkan perkara seperti berikut:

- a) Hanya kebenaran penyelia sahaja yang diperlukan
- b) Tandatangan digital/emel kebenaran boleh diterima ketika permohonan
- c) Data ini akan dikemaskini oleh pihak Fakulti.
- d) Pelajar berpenaja bertanggungjawab memaklumkan kepada penaja berkaitan dengan penangguhan ini.

viii. Memperakukan gred pencapaian pelajar yang diberikan oleh pensyarah sebagai memenuhi keperluan kredit sekiranya kursus telah memenuhi keperluan pembelajaran dan penilaian pelajar (samada yang melibatkan penggantian atau tidak diganti) yang memenuhi sekurang-kurangnya 70% keperluan SLT dan hasil pembelajaran sepertimana saranan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan tertakluk kepada garis panduan badan professional program berkaitan.

Makluman : Semua

1.12 Tambahan 1 Semester adalah tidak dikira bagi pelajar Ph.D dan Sarjana Penyelidikan di Semester Maksimum.

Pengerusi memaklumkan bagi mengambil kira situasi semasa di dalam keadaan pandemik Covid-19, pihak Sekolah Pengajian Siswazah

mencadangkan penangguhan satu semester dengan status tangguh pengajian yang tidak dikira kepada pelajar seperti berikut:

- a) 103 pelajar Sarjana Penyelidikan
- b) 129 pelajar Doktor Falsafah
- c) 49 pelajar yang berstatus peperiksaan (V) pada semester II 2019/2020 (18 pelajar Sarjana Penyelidikan dan 31 Pelajar Doktor Falsafah)

Berdasarkan perkara 21(1)(c) peraturan akademik Pengajian Siswazah yang membenarkan penangguhan disebabkan oleh bencana alam.

Makluman : Semua

- 1.13** Pengerusi juga memaklumkan bahawa SPS tiada halangan sekiranya kelompok pelajar tersebut ingin menghantar tesis dan perlu memenuhi semua syarat-syarat penghantaran tesis sedia ada. Pihak SPS juga turut mencadangkan bahawa tiada yuran pengajian dikenakan bagi semester selepas penangguhan tersebut. Kod keaktifan khas akan digunakan bagi pelajar-pelajar ini dan akan ditukarkan secara automatik oleh pihak AMD dengan kerjasama SPS.

Makluman : Semua

1.14 Pelaksanaan Viva Voce Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Pengerusi memaklumkan bahawa tiada pelaksanaan viva voce dan pembentangan kajian penyelidikan sepanjang tempoh PKP berlangsung.

Peperiksaan lisan bagi pelajar Sarjana Penyelidikan dan Doktor Falsafah akan dibuat secara atas talian. Pelaksanaan ini perlu dilihat sebagai kaedah terakhir dan perlu dilaksanakan dengan berhemah dengan memberikan keutamaan kepada pelajar di dalam tajaan, pelajar antarabangsa yang perlu pulang ke negara masing-masing dan mengambilkira kemudahan infrastruktur dan internet sedia ada.

Tatacara pelaksanaan peperiksaan lisan bagi pelajar Sarjana Penyelidikan dan Doktor Falsafah adalah seperti yang dinyatakan dalam prosedur pembelajaran online oleh UTMLead.

Pelaksanaan ini perlu dibuat dengan berhemah dimana pelajar yang terlibat perlu mempunyai akses serta peralatan yang mencukupi. Bagi menyokong pelaksanaan ini, sistem GSMS akan terus dibuka bagi pelajar menghantar NHT dan pencalonan pemeriksa oleh penyelia.

Makluman : Semua

1.15 Penggunaan Lab / Makmal

Pengerusi memaklumkan bahawa pihak SPS mencadangkan agar tiada penggunaan lab/makmal sepanjang tempoh arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini kerana pelajar/staf sepatutnya berada di lokasi masing-masing dan tidak termasuk di dalam *essential service* yang dinyatakan.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa sekiranya perintah PKP ini telah ditamatkan, pihak fakulti/school/UPMU perlu menyusun jadual penggunaan lab/makmal pelajar.

Makluman : Semua

1.16 Tarikh Penghantaran Tesis

Pengerusi juga memaklumkan bahawa tarikh penghantaran tesis bagi pelajar untuk semester ini adalah pada 1 Oktober 2020 dan berkemungkinan dilanjutkan dan perkara ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa bergantung kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Makluman : Semua

1.17 Pengecualian Yuran Bagi Pelajar sebelum Sesi 2016/2017 kerana Penghantaran Tesis Awal.

Bagi pelajar kemasukan sebelum sesi 2016/2017 yang layak untuk mendapat pengecualian yuran sekiranya menghantar tesis selewat-lewatnya 30 April 2020. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan PKP, pelajar tidak dapat menghantar tesis. Dengan ini, pihak SPS mencadangkan pihak AMD memberi kelonggaran bagi pelajar ini mendapat pengecualian yuran selepas mendapat akuan bertulis dari penyelia.

Makluman : Semua

1.18 Pelaksanaan Kelas Kaedah Penyelidikan & Kursus Umum Bagi Pelajar Remote

Pengerusi memaklumkan bahawa Kelas Kaedah Penyelidikan dan Kursus Umum bagi pelajar *remote* yang telah dijadualkan akan dibatalkan buat semester ini dan akan digantikan pada Semester Pendek/Semester I 2020/2021 atau menggalakkan pelajar mengambil sesi MOOCS yang terdapat di platform UTM MOOCS atau mana-mana platform lain.

Pelajar Remote dibenarkan membentangkan pembentangan proposal walaupun belum mengambil kursus Kaedah Penyelidikan.

Makluman : Semua

1.19 Permohonan UTM NPF/IDF Semester II 2019/2020

Pengerusi memaklumkan bahawa permohonan biasiswa ini telah dibuka dan telah diproses oleh SPS. Mesyuarat JKuasa Biasiswazah akan dilaksanakan dalam masa terdekat bagi memilih senarai penerima biasiswa tersebut.

Makluman : Semua

1.20 Pelaksanaan Kelas Pesisir UTM

Pengerusi memaklumkan bahawa kelas pesisir akan dijalankan secara dalam talian bermula 1 April 2020 dan pembayaran pakej I akan digunakan bagi pembayaran pensyarah Pesisir ini.

Pengerusi juga memaklumkan bahawa segala pembayaran hotel dan tiket kapal terbang untuk kelas pesisir yang telah dibayar dan terpaksa dibatalkan pada saat-saat akhir ekoran Covid-19 boleh dibuat tuntutan dengan mengemukakan bukti-bukti tempahan tersebut.

Pengerusi memaklumkan bahawa isu pembayaran pakej II masih dalam perbincangan dengan pihak Bendahari dan keputusan berkaitan perkara ini akan dimaklumkan ke fakulti setelah mendapat kata putus dari pihak Pejabat Bendahari.

Makluman : Semua

1.21 Semakan Kurikulum Program Pasca Siswazah

Pengerusi memaklumkan bahawa proses kerja ini diharapkan terus berjalan walaupun di dalam tempoh PKP.

Tindakan : Semua Fakulti

1.22 Pertandingan 3MT Kebangsaan

Pengerusi memaklumkan bahawa pertandingan 3MT peringkat kebangsaan adalah dibatalkan ekoran kerajaan Australia menutup kemasukan antarabangsa selama 6 bulan ekoran wabak Covid-19.

Makluman : Semua

1.23 IGCESH 2020

Pengerusi memaklumkan bahawa tarikh penganjuran IGCESH adalah dikekalkan pada 17-19 Ogos 2020 dan ianya tertakluk kepada keadaan akan datang manakala tarikh penghantaran abstrak adalah dilanjutkan sehingga 15 April 2020. Pengerusi berharap pihak fakulti dapat menggunakan platform ini supaya pelajar dapat memenuhi syarat penerbitan untuk menghantar tesis.

Makluman : Semua

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL 06 / 2019/2020

Minit mesyuarat diluluskan sebulat suara tanpa sebarang pindaan.

3.0 PERAKUAN PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH (PhD) - NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

3.1 FAKULTI KEJURUTERAAN

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi sekolah seperti berikut:

3.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ELFI	EKA152003
2	MOSTAFA HOSSEINI	PKA113100
3.	NUR SUMAIYYAH BINTI SUPIAN	PKA163033

3.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	DOBI ABDULHAKHEEM MOHAMMED	PKE163032
2	JEEVAN A/L SIRKUNAN	PKE153019
3.	NORAZLAN BIN HASHIM	PE123050
4	TOUQEER AHMED	PKE163044

3.1.3 SEKOLAH KEJURUTERAAN BIOPERUBATAN & SAINS KESIHATAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	HENDY RISDIANTO WIJAYA	PMB173018

3.1.4 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA & KEJURUTERAAN TENAGA

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	HAMBALI UMAR HAMBALI	PKK173034
2	JAMILU USMAN	PKP173006
3	MOHAMAD SUKRI BIN MOHAMAD YUSOF	PKK173010
4	MOHAMED AFIZAL MOHAMED AMIN	PKK173022
5	MOHD HAIQAL BIN ABD AZIZ	PKK163068
6	NG ZHI CHIEN	PKK173015
7	NUR HUSNINA BINTI ARSAD	PK123018
8	NURAFIQAH BINTI ROSMAN	PLP153017
9	ZAHRA SAMAVATI	PKK163069

3.1.5 SEKOLAH KEJURUTERAAN MEKANIKAL

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ADAM BIN KASANI	PM133043
2	ALKHALLATEE HAMEEDAH SAHIB HASAN	PKM163032
3.	MONG GUO REN	PKM173005
4.	NURFARAHIN BT ONN	PM123041

3.1.6 SEKOLAH KOMPUTERAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	DHUHA ABDULHADI ABDULJABBAR ALHAMDAN	PCS173015
2	MOHAMAD HAIDER BIN ABU YAZID	PC133020
3	MOHAMMED ALI ALMUASHI	PC133083
4	MOHD. ZUHAILI BIN MOHD. RODZI	PC123051
5	NOR AZRINI BINTI JAAFAR	PC123015
6	RABIA JAVED	PCS173030

Tindakan : SPS & FK

3.2 FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ADEDIRAN ANTHONIA OLUWATOSIN	PGH163016
2	KHALID AHMED SALIM AL KALBANI	PGH163021
3	LIM JING JING	PB123026
4	MOHAMAD SABRI BIN AHMAD	PG123048
5	NUR AMALINA BINTI ZULKIFLI	PGH143005

Tindakan : SPS & FABU

3.3 FAKULTI SAINS

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ALQARNY AREEJ SALEH A	PSC173119
2	ANDREW ICHOJA	PSC163046
3	OMAR ABDULLAHI HANDY WAFUDU	PSC163031
4	SITI AISHAH BINTI JUPRI	PSC163029
5	TAN YONG CHEE	PSC173019

Tindakan : SPS & FS

3.4 FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN (FSSK)

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi sekolah seperti berikut:

3.4.1 SEKOLAH PENDIDIKAN (SP)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	LEE BOON KIAT 8	PPP143038
2	MASARRAH BINTI ABDUL MUTALIB	PPP143045
3	MOHAMMAD TAJUDEEN YUSUF	PPP143041

4	NOR FARHAH BINTI SAIDIN	PPP133092
5	NUSAILA BINTI JOHARI	PPP143092
6	ZULHELMI BIN ZULKPLI	PPP143018

3.4.2 AKADEMI TAMADUN ISLAM (ATI)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NORIZAN BTE HASSAN	PIC143001

Tindakan : SPS & FSSK

3.5 FAKULTI TEKNOLOGI & INFORMATIK RAZAK (RFTI)

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	BADLI SHAH BIN MOHD YUSOFF	PD123043
2.	HAFIZAH BINTI ZAINOL ABIDIN	ERS142008

Tindakan : SPS & RFTI

3.6 SEKOLAH PERNIAGAAN ANTARABANGSA AZMAN HASHIM

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi sekolah seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AISHAH BINTI TAMBY OMAR	PHA173016
2	DHIA ALI MOHAMMED NOMAN	PR123012
3	HUMARA AHMAD	PHA163054
4	IBRAHIM MOHAMED MENSRAWY ABDELAAL	PBS143012
5	LEILA YAZDANI	PBS143012
6	MARIA E M A A ALHADAD	PBS163026
7	NIK RAFIDAH BINTI NIK YUSOFF	PHA173014
8	SAID JUMA SAID AL-DARMAKI	PBS163018
9	SHAZA ALDAIRANY	PBS153013

Tindakan : SPS & AHIBS

3.7 MALAYSIA JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY (MJIIT)

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AGUDOSI ELOCHUKWU STEPHEN	PMJ173015
2	MUHAMMAD HAFIZAN BIN YOSRI	PMJ153004

Tindakan : SPS & MJIIT

4.0 PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA (MSc) – NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

4.1 FAKULTI KEJURUTERAAN

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi sekolah seperti berikut:

4.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NUR SURAYA BINTI KAMSANO	MKA163005

4.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN BIOPERUBATAN & SAINS KESIHATAN (SKBSK)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ALEX LO ZHEN KAI	MMB183005

4.1.3 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA KEJURUTERAAN TENAGA (SKT)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NUR ATIKAH BINTI MOHD ROSELY	MKK163020

4.1.4 FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKA (SKM) :

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	MAHADHIR BIN MOHAMMAD	MKM163011
2	NURUL IZZWA NADILA BINTI MOHAMAD AZAHAR	MKM163046

Tindakan : FK

4.2 FAKULTI SAINS

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AIMI AMIRAH BINTI JASNI	MSC173007
2	AYUNA BINTI SULEKAN	MSC173005
3	NUR AZIRA BINTI JASMAN	MSC183004

Tindakan : FS

4.3 FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi sekolah seperti berikut:

4.3.1 SEKOLAH PENDIDIKAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NURKHADIJAH BINTI ABDUL KADIR	MPP163010

4.3.2 AKADEMI TAMADUN ISLAM (ATI)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	HANISAH BINTI ABDUL RAHMAN	MIC173019

Tindakan : FSSK

4.4 MALAYSIA JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	GESYEANA BAZLYN BINTI ZAMRI	MMJ173045

Tindakan : MJIIIT

5.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat telah memperakukan permohonan pelanjutan Notis Hantar Tesis Pelajar seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	CATATAN
1	AZHAN BIN AB. RAHMAN (PE123007) - SKE	T.baru: 5.4.2021
2	NIK MOHD KHAIRUDDIN BIN NIK ISMAIL (PM123057) - SKM	T.baru: 5.4.2021
3	PANG CHI LOOG (PM123034) - SKM	T.baru: 5.4.2021
4	MUHAMMAD HARIZ BIN KHAIRUDDIN (MKM163008) - SKM	T.baru: 5.4.2021
5	NORHAFIZAH BINTI ARIFIN (PG123020) - FABU	T.baru: 5.4.2021
6	NOOR SYAHIDA BINTI MAT ANAN (MLP153021) - FE	Kelulusan Secara Edaran
7	NURAFIDAH BINTI ARSAT (MLP153022) - FE	Kelulusan Secara Edaran
8	FALYNEE FAHA BINTI ABDUL WAHAB (PS133027) FS	T.baru: 5.4.2021

6.0 PERMOHONAN LANJUT NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA/PENGERUSI BAHARU

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Pelanjutan Notis Hantar Tesis dan Pelantikan Panel Pemeriksa/Pengerusi Baharu seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	LINDAH ROZIANI BINTI JAMRU	PG133008
2	MASLINA BINTI MOHD NATAR	PG123064
3	WU TONG	PMJ143002

7.0 PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA/PENGERUSI BAHARU

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan Pelantikan Panel Pemeriksa/Pengerusi Baharu seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NADHIRA BINTI DAHARI	PKA153029
2	RAFIDAH BINTI SHAHPERI	PA103164
3	NORSHAKILA BT MUHAMAD RAWAI	PA113049
4	GAMAL ABDEL NASSIR AWAD ALI MOHAMED	PC073023

5	MUHAMMAD TAYYAB	PCS143042
6	MOHD IDRUL SHAH BIN MOHD KHAIRUL BAHRI	MMJ153036
7	SITI NUR ATIKAH BINTI YAHYA	MMJ173007
8	LAM MING QUAN	PMB163024

- 7.1.1 Bagi pelajar **Mohd Idrul Shah Mohd Khairul Basri (MMJ153036)** dan **Siti Nur Atikah Yahya (MMJ173007)** lantikan pengerusi gantian perlu dibuat manakala untuk pelajar **Lam Ming Quan (PMB163024)** lantikan pengerusi baharu adalah diluluskan dan pelantikan penilai dalam gantian perlu dibuat kerana Prof. Fahrul akan menjadi PD 1 menggantikan Prof. Shahir yang telah dipinjamkan ke UTHM.

Tindakan : FS

8.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN TESIS

Mesyuarat telah bersetuju meluluskan Permohonan Pelanjutan Tempoh Pembetulan Tesis seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NURHASLINDA BINTI KHALIDDIN	MKM143036
2	HASSAN KESHAVARZ	PJ123062
3	NUR HELLWA BINTI BAHAROM	MMJ173016
4	ANIS FAHIZHA FAHIMI	MMB143036

9.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TESIS BERJILID

Mesyuarat telah memperakukan permohonan pelanjutan tesis berjilid pelajar seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NG BE CHEER	PK093095
2	AUWAL MUSTAPHA IMAM	PSC163048

12.0 HAL-HAL LAIN

12.1 Keperluan Pengerusi Peperiksaan Lisan Berbahasa Arab

Mesyuarat dimaklumkan berkaitan keperluan Pengerusi Peperiksaan Lisan yang boleh berbahasa Arab. Pengerusi meminta pihak FSSK membentangkan kertas kerja permohonan tersebut di mesyuarat akan datang.

Tindakan : FSSK

13.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.05 petang dengan bacaan Tasbih Kafarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh:

Semakan Pertama:

Semakan Kedua:

**PUAN HAMIMAH
NOZARI**

Setiausaha Pejabat
Sekolah Pengajian
Siswazah

CIK NORAZLINA BINTI AZIZI

Penolong Pendaftar
Bahagian Program Khas &
Pesisir Sekolah Pengajian
Siswazah

**EN. MOHD ZAIRES BIN MD
DARIS**

Timbalan Pendaftar
Sekolah Pengajian Siswazah